

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [ PULAI ]**

**SOALAN**

**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan perbincangan dengan Kerajaan Singapura berhubung perlanjutan perkhidmatan KTM Shuttle Tebrau setelah RTS siap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanjutan perkhidmatan KTM Shuttle Tebrau setelah RTS siap pada tahun 2027 sentiasa dibincangkan oleh Malaysia di dalam mana-mana platform/ forum yang melibatkan Malaysia dan Singapura.
2. Pada ketika ini, keputusan untuk melanjutkan perkhidmatan KTM Shuttle Tebrau setelah RTS siap adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Singapura.

Sekian, terima kasih.